



EDARAN CENDEKIA

Cawangan Komunikasi Awam, Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia

BIL6/09

EDARAN DALAMAN SAHAJA

27 Mei 2009

TEKS UCAPAN KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA

Majlis : MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
(APC) 2008 PERINGKAT IBU PEJABAT DAN
PENYAMPAIAN SURAT PENYIARAN URUSAN
KENAIKAN PANGKAT

Tarikh : 27 APRIL 2009

Tempat : DEWAN SERBAGUNA KEMENTERIAN KEWANGAN
PRESINT 2, PUTRAJAYA

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum dan salam sejahtera

Terima kasih saudara dan saudari pengacara majlis

Yang Berbahagia Dato' Khazali bin Ahmad
Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan)
Selaku Pengerusi Jawatankuasa Majlis Anugerah
Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2008, Peringkat Ibu
Pejabat Dan Penyampaian Surat Penyiaran Urusan
Kenaikan Pangkat.

Yang Berbahagia, Datuk Haji Md Hassim bin Pardi,
Penolong Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan),

Yang Berbahagia, Dato' Zaleha binti Hamzah,
Penasihat Kastam,

Yang Berbahagia Dato'-Dato' Pengarah Bahagian Ibu Pejabat,

Para jemputan,

Pegawai-Pegawai Kanan,

Pegawai-Pegawai yang diraikan,
Dato'-Dato', Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Tahniah dan syabas diucapkan.

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita bersama-sama berkumpul pada petang ini dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2008, peringkat Ibu Pejabat Dan Penyampaian Surat Penyiaran Urusan Kenaikan Pangkat bagi Pegawai-Pegawai Kanan Kastam.

2. Saya difahamkan bahawa seramai 66 orang pegawai dari pelbagai peringkat yang bertugas di Ibu Pejabat Kastam, Putrajaya akan dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2008. Majlis penganugerahan ini merupakan acara yang diadakan khusus untuk meraikan para pegawai yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam melaksanakan tugas sepanjang tahun 2008 yang lalu. Sesungguhnya, majlis penganugerahan ini adalah simbol penghargaan kerajaan dan jabatan kepada pegawai serta kakitangan yang telah menyumbang khidmat bakti dengan cemerlang dan penuh dedikasi untuk menghasilkan perkhidmatan dan mutu kerja pada tahap cemerlang.

Dato'-dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

3. Ini bukanlah bermakna mereka yang tidak dianugerahkan perkhidmatan cemerlang kali ini tidak menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam melaksanakan tugas. Oleh kerana peluang bagi penganugerahan ini terhad, maka hanya yang diperaku serta terpilih untuk menerima anugerah perkhidmatan cemerlang berdasarkan asas dan kriteria yang ditetapkan. Meskipun jumlah yang menerima anugerah ini kecil, namun saya percaya jumlah mereka yang cemerlang sebenarnya adalah lebih besar. Mereka juga turut menyumbang kepada kecemerlangan jabatan. saya pasti, giliran mereka akan sampai sekiranya terus menunjukkan mutu perkhidmatan yang cemerlang pada tahun-tahun akan datang.

Dato'-dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

4. Sebagai ketua perkhidmatan, saya amat gembira dengan kejayaan Dato'-dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Pada kesempatan ini, inginlah saya dan barisan pengurusan jabatan mengucapkan tahniah serta syabas kepada pegawai jabatan yang menerima anugerah perkhidmatan cemerlang kali ini. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa penganugerahan ini dibuat setelah melalui tapisan dan penilaian yang agak ketat oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia sebelum diperaku untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini.

5. Yang demikian, ianya sememangnya merupakan satu pengiktirafan yang sangat besar terhadap sumbangan dan komitmen tuan-tuan dan puan-puan kepada jabatan sepanjang tahun 2008. Namun demikian, apa yang lebih penting ialah tanggungjawab tuan-tuan dan puan-puan selepas menerima anugerah ini iaitu untuk mengekalkan prestasi yang sedia ada dan dalam masa yang sama berusaha untuk meningkatkan lagi kualiti kerja tuan-tuan dan puan-puan semoga dijadikan contoh dan teladan oleh lain-lain anggota jabatan.

Dato'-dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

6. Sebagai sebuah organisasi yang dinamik, Jabatan Kastam Diraja Malaysia sentiasa sedar bahawa kecemerlangan organisasi terletak kepada sejauhmana kita dapat memanfaatkan aset utamanya iaitu modal insan. Modal insan yang cemerlang perlulah memiliki keperibadian yang luhur, berilmu, dan memiliki kemahiran yang sentiasa relevan dengan keadaan semasa dan berfikiran strategik. Dengan itu, modal insan berkenaan akan dapat memenuhi keperluan organisasi masa kini dan akan datang. Selain itu, mampu pula melaksanakan agenda jabatan untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai disamping dapat memenuhi aspirasi serta amanah kerajaan untuk memajukan negara.

Dato'-dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

7. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang adalah merupakan sebahagian daripada pembangunan modal insan yang bertujuan meningkatkan motivasi pegawai awam melalui pengiktirafan oleh kerajaan dan jabatan kepada pegawai yang menunjukkan kecemerlangan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka. Secara langsung atau tidak langsung, pegawai yang cemerlang secara keseluruhannya akan membantu jabatan mendapat pengiktirafan oleh kerajaan dan rakyat kerana sumbangan baik jabatan dan negara.

8. Sebagai organisasi yang berhubung secara terus dengan orang ramai, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dituntut supaya mempersembahkan perkhidmatan cemerlang kepada orang ramai setiap masa. Perkhidmatan Kastam yang dapat memuaskan hati pelanggan, bukan sahaja akan menaikkan imej jabatan, tetapi kita sendiri akan merasa puas kerana berupaya melunaskan tanggungjawab kita kepada rakyat dan negara.

Saya ingin membawa Dato'-dato', tuan-tuan dan puan-puan ke atas senario yang berlaku baru-baru ini. Lawatan yang pertama YAB Perdana Menteri Malaysia kita di Jalan Tuanku Abdul Rahman sambil minum teh dan lawatan kedua YAB Timbalan Menteri di hospital. Kalau kita membaca akhbar didapati ada *emergency* kes, kebetulan pemandu Timbalan Menteri membawa pesakit ke hospital untuk mendapatkan rawatan kecemasan. Sekian lama menunggu, mungkin ketibaan Menteri tidak disedari oleh sesiapa. YAB terus masuk ke bilik rawatan dan melihat apa yang sebenarnya berlaku. Begitu juga lawatan YAB di jualan iaitu di Jalan Tuanku Abdul Rahman. Ini menunjukkan pendekatan kerajaan untuk memuliakan rakyat adalah merupakan tujuan utama. Selaras dengan wawasan yang telah diuar-uarkan oleh YAB Perdana Menteri. Oleh itu, saya menyeru untuk kita selalu penyelia dan pengarah-pengarah bahagian dan cawangan samada di peringkat ibu pejabat dan negeri haruslah mengambil contoh ini sebagai satu iktibar. Sejauh mana kita melihat pegawai-pegawai kita dalam menjalankan kehidupan dan kerja seharian mereka.

Dato'-dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

9. Oleh itu, kita perlulah sensitif kepada perubahan sekeliling, sanggup menerima perubahan dan bersedia melakukan perubahan dari segi pemikiran, sikap, kualiti kerja dan sebagainya. Kita mestilah perlu menjadi lebih baik, lebih tangkas dalam memahami aspirasi masyarakat, lebih strategik dan sentiasa berusaha memancarkan semangat meningkatkan imej jabatan supaya menjadi organisasi berprestasi tinggi. Jika kita tidak mampu berubah dan tidak mahu berubah untuk menjadi lebih cemerlang, percayalah lama kelamaan akan sampai juga saatnya dimana kehadiran kita semakin tidak diperlukan dalam organisasi. Maknanya, jika kita tidak mahu dan tidak mampu membawa perubahan, orang lain mungkin akan mengubah kita. Lebih malang lagi, barangkali peranan kita dalam organisasi akan diganti pula oleh orang lain.

Dato'-dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

10. Dengan sebab itulah, dalam mengemudi jabatan ini, kita diperingkat pengurusan atasan sentiasa menekankan kepada budaya kecemerlangan dan keunggulan organisasi. Saya akan terus menggalakkan penerapan elemen-elemen kecemerlangan di dalam Jabatan Kastam Diraja Malaysia seperti Petunjuk Prestasi Utama (KPIs) dan penarafan penilaian sistem *Star Rating* yang pada masa ini digunakan oleh kerajaan untuk menilai kecemerlangan dalam sesebuah agensi perkhidmatan awam. Untuk itu, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih di atas segala usaha yang dilakukan oleh Bahagian Perancangan Korporat dan Bahagian Komunikasi Jabatan. Saya berharap, gerakkan dan teruskan usaha-usaha ini untuk pergi menjelajah ke seluruh stesen kastam, seluruh Malaysia untuk menjelaskan apakah dasar-dasar jabatan, apakah dasar-dasar kerajaan dan bagaimanakah pendekatan kita bagi merapati rakyat.

Melalui beberapa pertanyaan saya diperingkat stesen. Ada baru-baru ini, saya berkesempatan untuk melawat Sabah, Semporna dan Tawau. Saya cuba merisik-risik pada pegawai-pegawai bawahan. Saya mendapati mereka masih lagi tidak mendapat secara terus maklumat-maklumat mutakhir apa yang berlaku dalam jabatan. Oleh itu saya berharap UPA misalnya sebagai mata telinga dan sumber suara jabatan supaya terus mengaktifkan gerak kerja tuan-tuan menjelajah seluruh negara, memberi maklumat, mendapatkan maklumbalas, memberi laporan kepada kita supaya kita boleh mengambil tindakan. Saya mengambil kesempatan ini juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua tuan-tuan dan puan-puan yang mengambil tindakan-tindakan susulan kerana dalam dialog saya dengan pegawai-pegawai di seluruh Malaysia sejumlah 130 lebih isu yang ditimbulkan. Boleh dikatakan 90% telah diambil tindakan. Tahniah saya ucapkan di atas segala usaha baik tuan-tuan dan puan-puan. Sekurang-kurangnya apabila saya pergi ke negeri-negeri, mereka tidak lagi membangkitkan lagi masalah kerana saya memantau dalam Mesyuarat Mingguan Pemantauan di peringkat Ibu Pejabat. Saya berharap di mana usul-usul yang belum diselesaikan kita dapat mengambil tindakan susulan. Insya Allah, sekiranya dapat diselesaikan dalam tempoh yang diharapkan oleh pegawai-pegawai kita, sudah tentulah ia memberikan faktor motivasi kepada pegawai-pegawai kita untuk melonjakkan nama jabatan dan seterusnya kita juga akan berasa gembira dengan pencapaian kita.

Dato'-dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

11. Seperti kata Sir Winston Churchill '*it is no use saying we are doing our best. You have to succeed in doing what is necessary*'. Oleh yang demikian, saya menyeru semua warga jabatan supaya sentiasa melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran kerja, memelihara kualiti profesionalisme yang tinggi, jujur, tekun dan ikhlas dalam melaksanakan tugas. Insya Allah, jika elemen-elemen tadbir urus terbaik ini dapat kita terapkan ke dalam Jabatan Kastam Diraja Malaysia ini, kecemerlangan akan dapat dicapai.

Sekali lagi saya ingin menyeru terutama kita diperingkat Ibu Pejabat, sebagai pegawai-pegawai yang diamanahkan keputusan jangan disimpan masalah. Sekiranya Dato'-dato', tuan-tuan dan puan-puan tidak dapat membuat keputusan di peringkat negeri atau diperingkat bahagian atau masing-masing, kita mempunyai venue, mesyuarat mingguan yang kita lakukan setiap minggu ataupun tuan-tuan boleh memanggil perbincangan secara terbuka. Saya mengamalkan perbincangan ini baru-baru ini. Saya rasa Yang Arif Pengarah Perundangan sedar akan perkembangan akhir-akhir ini, apa juga masalah kerana saya berfikir rakyat sekarang begitu peka dengan tindakan yang kita ambil.

PEMUDAH merupakan salah satu '*tool*' yang digunakan oleh kerajaan. Jadi saya rasa kita jangan hingga menunggu PEMUDAH memanggil kita, kita harus bertindak sendiri, mengambil apa jua keputusan. Keputusan kita mesti buat. Salah atau betul itu soal kedua pada pandangan saya. Keputusan mesti kita buat. Kita tidak boleh menungguh - nungguhkan keputusan kerana kita

berdepan dengan rakyat, berdepan dengan barang-barang yang harus diselesaikan pengurusannya. Baru-baru ini, beberapa isu telah saya bincangkan dengan Pencegahan. Isu-isu kompaun, isu yang tidak diselesaikan kerana barang-barang ditahan oleh kita dan kalau boleh kita dapatkan senarai berapa banyakkah kes-kes yang telah didakwa atau 'sue' oleh 'public' kepada jabatan. Ini saya rasa amat berat tanggungjawab kita. Jadi saya menyeru sekali lagi, pada semua Pengarah-Pengarah Ibu Pejabat yang telah diberi amanah untuk membuat keputusan supaya membuat keputusan dalam tempoh-tempoh yang telah ditetapkan. Jangan membuat keputusan sampai setahun tidak berkeputusan.

Jadi harapan saya dan mungkin harapan pengurusan tertinggi kita tidak mahu isu-isu ini dibawa ke peringkat PEMUDAH kerana kita adalah merupakan agensi yang boleh membuat keputusan. Mengapa tidak kita membuat keputusan? Kita boleh membuat keputusan yang diperlukan dalam akta. Jadi saya rasa tidak ada masalah untuk kita buat keputusan.

Dato'-dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

12. Sebenarnya seperti sedia maklum, pada hari ini juga kita meraikan rakan-rakan kita yang telahpun dinaikkan pangkat seramai 6 orang pegawai gred W52 akan menerima surat penyiaran urusan kenaikan pangkat ke gred W54. Seramai 115 orang pegawai gred W44 pula akan menerima surat penyiaran urusan kenaikan pangkat ke gred W48. Oleh itu dengan kenaikan pangkat yang agak ramai dalam satu-satu masa membuktikan bahawa jabatan sentiasa berusaha untuk memastikan pegawai yang berpotensi dan menunjukkan kecemerlangan dalam menjalankan tugas diberi peluang untuk dinaikkan pangkat.

Insyallah untuk makluman Dato'-dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian, kita berusaha secara berterusan dan saya beberapa kali berbincang dengan Y.Bhg Timbalan Ketua Pengarah Kastam Pengurusan, Dato' Khazali sendiri supaya proses kenaikan pangkat ini jangan tunggu sehingga berlaku kekosongan yang begitu besar kerana Lembaga Kenaikan Pangkat bersidang setiap bulan di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Jadi saya rasa mengapa tidak kita mengikut 'trend' mereka. Janganlah kita menunggu kekosongan yang begitu lama barulah kita ingin mengadakan 'excise' kenaikan pangkat. Jadi Insya Allah dengan tindakan ini saya percaya tindakan-tindakan susulan telah dibuat oleh pihak Khidmat Pengurusan Sumber Manusia (KPSM) khususnya, di bawah pengawasan Y.Bhg Dato'Khazali dan Encik Nadzri. Saya percaya isu kelonggaran dan kekosongan ini dapat kita atasi terutama rakan-rakan kita yang berada di Sabah dan Sarawak tidak mengira pangkat, gred apa juga kekosongan kita akan usahakan. Melainkan kekosongan-kekosongan yang diluar kawalan Kastam, iaitu Kumpulan Sokongan misalnya N17 diluar kawalan kita. *Therefore, we cannot do anything but within our control*, saya mempunyai harapan kita boleh menyelesaikan dalam tempoh-tempoh yang terdekat.

13. Saya juga berasa gembira kerana mendapat peluang pada hari ini untuk berjumpa dengan tuan-tuan dan puan-puan dalam satu majlis khas seperti ini dan bersama-sama memberi pengiktirafan terhadap kecemerlangan tuan-tuan dan puan-puan . oleh itu sama-sama meraikan kejayaan tuan-tuan dan puan-puan dinaikkan pangkat ke gred yang lebih tinggi.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ampun dan maaf kerana kita tidak dapat memanggil rakan-rakan kita di Sabah dan Sarawak untuk meraikan kenaikan pangkat mereka. Saya telah berbincang dengan Y.Bhg Dato' Khazali supaya kami datang ke sana memandangkan 'value of money'. Kalau mereka datang ke sini, perbelanjaan agak tinggi, ini kerana mereka yang dinaikkan pangkat dalam 20 orang pegawai. Kalau kami ke sana mungkin perbelanjaan agak rendah. Kita akan berbincang dengan Pengarah Sarawak dan Sabah. Bukan kita mahu ketepikan mereka. Jangan ada persepsi mengatakan mengapa Sabah dan Sarawak ditinggalkan? Saya berharap Y.Bhg Dato' Khazali dapat berhubung dengan Pengarah Sabah dan Sarawak untuk

menjelaskan kedudukan kita pada hari ini. Insya Allah kita akan buat upacara yang sama samada di Sabah atau Sarawak dalam masa yang terdekat ini untuk meraikan rakan-rakan kita di sana.

14. Akhir sekali tanamkan tekad dalam diri sendiri dan binalah keazaman tuan-tuan dan puan-puan untuk terus menabur budi dalam menjalankan tugas dengan amanah dan berintegriti. Sanjungan masyarakat akan datang dengan sendirinya jika kita menampakkan keperibadian yang luhur dan sumbangan khidmat bakti dengan jujur.

Dato'-dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

15. Jabatan masih lagi menunggu keputusan terhadap penstrukturan semula organisasi di bawah Fasa 2B daripada agensi pusat dan saya percaya, melalui jawatan baru kenaikan pangkat yang akan diluluskan, peluang pegawai-pegawai kita dalam perkhidmatan Kastam ini akan lebih cerah lagi. Untuk makluman Dato'-dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian, saya mulakan mana-mana venue yang saya jumpa samada Timbalan KSP, Setiausaha bahagian berhubung dengan isu dan masalah kita kerana saya tidak mahu ada persepsi apabila Fasa 1 untuk pegawai-pegawai atasan yang lepas berada ruang pentadbiran ini maka Fasa 2 seolah-olah diketepikan. Sebenarnya kita faham masalah kerajaan. Kita faham. Dan alhamdulillah dari respon yang kita dapat dari Timbalan KSP, pihak JPA dan pihak KPSM khususnya Encik Nadzri setahu saya 'almost everyday' ke *Treasury* dan JPA. Saya tahu susulan yang dibuat oleh pengurusan untuk merealisasikan Fasa 2 ini akan dapat 'matelised' selewat-lewatnya Jun ini dan saya hargainya.

Ini harapan kita dan kita berdoa dihari mulia ini supaya ianya dapat dimakbulkan kerana ianya merupakan satu rahmat pada rakan-rakan kita diperingkat pertengahan. InsyaAllah kita berdoa bersama.

Akhir sekali, saya sekali lagi merakamkan ucapan tahniah kepada rakan-rakan yang telahpun diberi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan bagi pegawai yang tidak berjaya apa yang saya katakan diawal ucapan saya tadi, tidak bermakna tuan-tuan dan puan-puan tidak cemerlang tetapi kerana quota yang ada begitu terhad. Apabila kita berbincang, apnel yang saya lihat semua cemerlang dan mempunyai markah 90 % sehingga kita agak sukar. Jadi oleh kerana ada quota sistem, pembahagian adalah mengikut cawangan, gred dan sebagainya. Hanya pegawai-pegawai tertentu sahaja yang dipilih dan InsyaAllah kalau diizinkan dimasa-masa yang akan datang, kita akan melihat pegawai-pegawai yang belum diberi peluang untuk mendapat anugerah tersebut.

Bagi mereka yang telah pun disahkan urusan kenaikan pangkat, sudah tentulah tuan-tuan sedang menunggu 'career past' tuan-tuan. Bagi mereka yang mempunyai masa untuk membangunkan jabatan, buktikanlah kemampuan tuan-tuan atas kepercayaan yang diberikan oleh jabatan kerajaan. Cabaran Kastam di abad ke 21 begitu besar. Apa yang kita lihat sekarang ini, berbagai-bagai pendekatan pengurusan dibuat sudah tentulah ia dipikul secara bersama. Dan saya amat percaya sekiranya dapat dibalas secara bersama, difikir bersama, dapat diselesaikan secara bersama, InsyaAllah seberat manapun masalah yang kita hadapi, kita boleh selesaikan.

Oleh itu, saya akhirnya rasa bersyukur, gembira dan mengucapkan terima kasih kepada ahli jawatankuasa, pengelola pada majlis petang ini, khususnya Y.Bhg Dato' dan pegawai-pegawai di Bahagian Pengurusan yang telah dapat mengatur satu majlis yang saya agak begitu eksklusif 'hi tea' bersama mereka yang diraikan pada petang ini. Dan InsyaAllah pendekatan ini akan kita teruskan dimasa-masa yang akan datang. So, bagi mereka diluar Kuala Lumpur, selamat kembali ke negeri dan stesen masing-masing dengan matlamat dan hasrat yang baru dan harapan saya satu sahaja kita perlu gembirakan rakyat kita.

Sekian dan terima kasih.

Wabillahitaufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.